

# Beri masa kerajaan hapus amalan 'sakau'

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL  
utusannews@mediamulia.com.my

**PERMATANG PAUH:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memohon rakyat memberi tempoh beberapa tahun kepada kerajaan untuk membuktikan tatakelola yang baik dalam pentadbiran di peringkat Pusat termasuk menghapuskan amalan rasuah atau 'sakau'.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan perlu memperbetulkan amalan rasuah atau kleptokrat yang mana ia bukan hanya melibatkan individu sebaliknya disifatkan sebagai satu sistem.

Bagaimanapun, ujarnya, usaha itu bukan sesuatu yang mudah memandangkan amalan rasuah atau kleptokrat tersebut sudah menjalar di semua peringkat pentadbiran kerajaan.

Jelasnya, kejayaan menghapuskan amalan rasuah itu mampu meningkatkan hasil negara seterusnya membolehkan kerajaan mengagihkan semula hasil kepada rakyat.

"Negara kita bukan lagi terkenal kerana kepelbagaian kaum atau prestasi ekonomi yang baik, tapi kerana skandal 1MDB.



**ANWAR** Ibrahim bersama penjawat awam negeri dan pusat pada majlis Amanat Perdana Menteri Kepada Penjawat Awam Persekutuan dan Negeri Pulau Pinang di UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang semalam.  
- UTUSAN/IQBAL HAMDAN

"Saya buka fail (kerajaan) dalam beberapa keputusan setahun dua ini dan penuh dengan kecurangan, nafsu serakah pemimpin.

"Saya tidak peduli sama ada dia Cina atau Melayu atau dari-

pada parti mana, saya beritahu SPRM supaya bertindak secara profesional dengan data dan fakta yang betul.

"Sekiranya ada kes, Peguam Negara ambil tindakan pendakwaan supaya menjadi pengaja-

ran," katanya semasa berucap dalam majlis Amanat Perdana Menteri Kepada Penjawat Awam Persekutuan dan Negeri Pulau Pinang di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh, di sini semalam.